

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (ENGLISH VERSION)

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Auto Kadar Tetap.

Pastikan anda membaca terma dan syarat umum. Sila rujuk kepada Hong Leong Bank (Pihak Bank) jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Pembiayaan Auto Kadar Tetap

Tarikh:

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Ini adalah kemudahan sewa beli, yang ditawarkan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan. Apabila anda menerima kemudahan ini, anda akan memasuki satu perjanjian Sewa Beli dengan pihak Bank, dimana anda adalah penyewa dan pihak Bank adalah pemilik kenderaan. Faedah ke atas kemudahan ini akan dikenakan pada **kadar faedah tetap** tahunan sama rata. Apabila pembayaran penuh dibuat untuk jumlah yang terhutang dibawah perjanjian, pemilikan kenderaan tersebut akan dipindahkan kepada anda.

2. Apakah yang boleh saya perolehi dari produk ini?

- Jumlah Pembiayaan: RM _____ (% daripada harga jualan kenderaan)
- Tempoh: [] bulan
- Kadar Faedah: _____ % setahun sama rata
- Kadar Peratusan Tahunan: _____ %

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran bulanan anda adalah RM _____
- Jumlah amaun pembayaran balik untuk [] bulan adalah RM _____
- Nota: Sebarang pembayaran yang dibuat melebihi bayaran berjadual akan dianggap sebagai pembayaran terdahulu. Pembayaran

sedemikian tidak akan sama sekali mengurangkan jumlah faedah yang perlu dibayar dan tidak boleh dikeluarkan semula. Pembayaran terdahulu akan digunakan untuk membayar ansuran seterusnya apabila ia perlu dijelaskan, serta sebarang fi dan caj yang berkenaan (jika perlu).

4. Apakah caj lain yang perlu bayar?

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami: www.hlb.com.my/loan2 atau imbas di sini



5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Kesan-kesan bagi kegagalan dalam membuat pembayaran bulanan anda termasuk:

- a) Caj pembayaran lewat pada kadar 8% setahun yang dikira setiap hari akan dikenakan ke atas amaun tertungggak, menyebabkan jumlah belum dijelaskan meningkat.
- b) Kami akan menarik balik kenderaan jika:
 - Tiada pembayaran ansuran selama dua (2) bulan berturut-turut dan Notis-notis Jadual Keempat yang dikeluarkan pada tunggakan itu telah tamat tempoh; atau.
 - Kegagalan untuk membayar ansuran terakhir; atau
 - Jika Penyewa telah meninggal dunia dan tiada pembayaran ansuran diterima selama empat (4) bulan berturut-turut daripada waris penyewa.
- c) Semua perbelanjaan yang ditanggung semasa penarikan balik kenderaan akan dicaj ke akaun Pembiayaan Auto Kadar Tetap anda.
- d) Kami akan menolakkan sebarang baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini daripada baki kredit dalam akaun deposit anda dengan kami. Kami akan memberi notis tujuh (7) hari kepada anda sebelum melaksanakan hak ini.
- e) Anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang jumlah yang masih kurang selepas kenderaan dijual.
- f) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal bertindak balas terhadap notis peringatan.

- g) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan terhadap penarafan kredit anda yang boleh menyebabkan kredit menjadi lebih sulit atau mahal bagi anda.

6. Bagaimana sekiranya saya menjelaskan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Anda layak untuk mendapat rebat, dimana ia merupakan bayaran balik untuk caj terma bagi tempoh pembiayaan yang belum luput. Rebат akan dikira berdasarkan formula yang ditetapkan dalam Akta Sewa Beli seperti berikut:

$$R = \frac{TC \times n}{N(N+1)}$$

dimana,

R	mewakili rebat atas faedah
TC	mewakili jumlah faedah yang dibayar sepanjang tempoh pembiayaan
n	mewakili tempoh baki pembiayaan yang dinyatakan dalam bulanan
N	mewakili tempoh pembiayaan asal yang dinyatakan dalam bulanan

7. Adakah saya perlu membeli perlindungan insurans?

Ya, perlindungan insurans terhadap kenderaan adalah wajib. Anda dihendaki untuk mengekalkan kenderaan di bawah perlindungan insurans komprehensif sepanjang tempoh penyewaan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami bagi sebarang perubahan maklumat perhubungan seperti nombor telefon, alamat surat-menyurat dan alamat e-mel untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini butiran maklumat perhubungan anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

<p>Jika anda mengalami masalah dalam membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di :</p>	<p>Pusat Pemungutan Hong Leong Bank Berhad Tingkat 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya Tel : 03-7959 1888 E-mel: HPCrControlDept@hlbb.hongleong.com.my</p>
<p>Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula pembiayaan secara percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di :</p> <p>POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) Program yang ditawarkan oleh AKPK menggalakkan pengurusan wang berhemat dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi:</p>	<p>Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Raya (Dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur. Tel: 03-2616 7766 Fax: 03-26167 601 E-mel: enquiry@akpk.org.my</p> <p>Tel: 03-2616 7766 Laman web: https://power.akpk.org.my/ atau www.akpk.org.my</p>
<p>Sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di :</p>	<p>Advokasi Pelanggan Hong Leong Bank Berhad Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel : 03-7626 8821/03-7626 8802/03-7626 8812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my</p>
<p>Sekiranya soalan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi BNMLINK di :</p>	<p>4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 / 03-2174 1717 (untuk panggilan luar negara) atau Fax: 03-2174 1515 Web: bnmlink.bnm.gov.my</p>

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan untuk mengambil pembiayaan kenderaan, sila log masuk ke laman web HLB di <https://www.hlb.com.my/al-bm> atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong di Tel: 03-7626 8899.

11. Lain-lain pakej Pembiayaan Auto yang disediakan

Pembiayaan Auto Kadar Berubah

NOTA PENTING : KENDERAAN AKAN DITARIK BALIK DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN ANSURAN MENGIKUT SYARAT-SYARAT YANG TERKANDUNG DI DALAM AKTA SEWA-BELI 1967

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini sah pada / /